



DR. DAING Nasir Ibrahim (kanan) diiringi Wahid Hashim (dua dari kanan) beramah mesra dengan barisan penceramah *Utusan Malaysia* dan 42 pegawai serta kakitangan UMP yang menyertai bengkel penulisan asas kewartawanan UMP Kampus Gambang, Kuantan, kelmarin.

BM (Dahm Naxxi) Khamis 23/12/10 ms25

42 staf UMP sertai bengkel kewartawanan

KUANTAN 22 Dis. – Seramai 42 pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai bengkel penulisan asas kewartawanan anjuran UMP dan *Utusan Malaysia* di Dewan Banquet UMP Kampus Gambang di sini semalam.

Bengkel selama dua hari yang berakhir hari ini diadakan untuk memberi panduan dan pendedahan kepada peserta dalam menghasilkan berita atau rencana menggunakan bahasa yang ringkas, mudah, tepat dan padat.

Selain itu, semua peserta diberi pendedahan mengenai teknik yang betul mengenai fotografi dan grafik terutama dalam penerbitan surat khabar dan majalah.

Barisan penceramah yang bertanggungjawab mengendalikan bengkel tersebut terdiri daripada pengarang dan jurufoto

berpengalaman dalam bidang kewartawanan dan penulisan.

Mereka terdiri daripada Ketua Unit Foto *Utusan Malaysia*, Syed Agil Syed Jaafar; Pengarang Berita *Utusan Malaysia*, Rozaman Ismail; Pengarang Rencana *Utusan Malaysia*, Azman Anuar dan Penolong Ketua Unit Grafik *Utusan Malaysia*, Abdul Rashid Aziz.

Utusan Malaysia turut mengundang penceramah khas daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Jaafar Abdul Rahim bagi menyampaikan ceramah dalam aspek mencipta pemikiran kreatif.

Turut hadir pada bengkel tersebut ialah Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarang Pendidikan *Utusan Malaysia*, Wahid Hashim.